

Ruj.Kami : PMS/UP/656-3 (33)

Tarikh : 1 Oktober 1998

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Di Sabah Dan
Wilayah Persekutuan Labuan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 6 TAHUN 1998**

**KEMUDAHAN MENDUDUKI RUMAH KEDIAMAN KERAJAAN/RUMAH
SWASTA YANG DISEWA OLEH KERAJAAN**

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan

kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Berikutan dengan pemerhatian pejabat ini adalah didapati beberapa jabatan tidak mematuhi arahan Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sabah sepertimana didalam Pekeliling Bil. 21/1986 bertarikh 11 September 1986 yang berkaitan dengan Permohonan Untuk Menduduki Rumah Kediaman Kerajaan/Rumah Swasta Disewa Oleh Kerajaan Bagi Pegawai- pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Bertukar Wilayah. Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Cawangan Sabah Bil. 21/1986 itu adalah masih berkuatkuasa walaupun terdapat beberapa prinsip peraturan yang perlu diselaraskan atau ubahsuai dengan prinsip/peraturan Sistem Saraan Baru.

3. Selain daripada itu, amalan yang sering tidak dipatuhi antaranya ialah:-

- 3.1 Pegawai terlebih dahulu menduduki rumah swasta yang disewa oleh Kerajaan tanpa memperolehi "Pengesahan Tiada Rumah Kerajaan" daripada Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS).
- 3.2 Mengikut amalan sekarang sesetengah jabatan hanya mengemukakan "Borang Akuan Masuk Rumah" dan dalam masa yang sama mereka menggunakannya untuk mendapatkan "Pengesahan Tiada Rumah Kerajaan" daripada PMS.
- 3.3 Berpindah dari rumah swasta yang disewa oleh Kerajaan ke rumah swasta yang lain sebelum mendapat kebenaran daripada PMS.

3.4 Tidak menghantar maklumat pegawai-pegawai/kakitangan yang menyewa rumah swasta kepada PMS selaras dengan arahan sepertimana dalam surat pejabat ini rujukan (SH)(8.00)3/8/1Jid.3/(64) bertarikh 6 Ogos 1991.

4. Sehubungan dengan ini, amalan-amalan tersebut di atas hendaklah dielakkan dan diberhentikan. Ketua-Ketua Jabatan adalah diminta memastikan semua pegawai/kakitangan mematuhi Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Cawangan Sabah Bil.21/86. Susulan dari Surat pekeliling tersebut, PMS juga telah mengeluarkan surat-surat arahan rujukan (SH)(8.00)3/8/1 Jld.3(34) bertarikh 29 Mei 1990 dan (SH)(8.00)3/811 Jid.3(64) bertarikh 6 Ogos 1991 yang masih berkuatkuasa hingga kini. Salinan Surat Pekeliling tersebut dan surat-surat arahan yang berkaitan dilampirkan bersama untuk rujukan dan tindakan Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan sewajarnya.

5. PMS sedia memberikan penjelasan dan maklumbalas yang sewajarnya tentang sebarang masalah atau kemusykilan yang mungkin timbul. Segala sokongan dan kerjasama pihak Y.Bhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara di atas adalah amat diharapkan bagi melicinkan urusan serta mengelakkan berlakunya sebarang kekeliruan dan salah faham.

Sekian. Terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

t.t

(DATUK DR.ABDUL AZIZ BIN MOHD.ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan,
Sabah.